

## AKHBAR : KOSMO

## Anggota penguat kuasa MBPJ guna skuter berkuasa elektrik

Oleh AMALINA ABDUL SHUKOR

**PETALING JAYA** — Majlis untuk menguruskan alam sekitar Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berdasarkan prinsip pembangunan menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang menggunakan skuter berkuasa elektrik untuk anggota penguat kuasa sanya menjalankan rondaan.

Datuk Bandarnya, Mohd. Azizi Mohd. Zain berkata, pihaknya telah membeli lima buah skuter berkuasa elektrik jenama Eclimo ESII bernilai RM18,000 sebuah dan bercadang untuk menambah beberapa buah lagi pada tahun hadapan.

Menurutnya, penggunaan kenderaan itu sejajar dengan dasar MBPJ

mampan seperti mengurangkan pelepasan gas karbon monoksida dan mengawal keseimbangan ekosistem.

"Motosikal ini telah digunakan oleh anggota kami sejak 15 Julai lalu untuk menjalankan rondaan penguatkuasaan berkaitan pelanggaran kesalan lalu lintas selain memastikan kelancaran aliran trafik di pusat bandar.

"Selain itu, anggota penguat kuasa MBPJ yang menggunakan skuter ini juga dapat melaporkan aduan terhadap jalan rosak, kerosakan harta benda majlis dan aduan lain

dengan segera," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Motosikal Berkuasa Elektrik di sini semalam.

Mohd. Azizi memberitahu, penggunaan skuter berkuasa elektrik juga mampu membantu pihak polis dengan membuat laporan sebarang kejadian jenayah kerana skuter tersebut tidak mengeluarkan bunyi bising sekali gus kurang disedari penjenayah.

Katanya, skuter berkenaan boleh digunakan selama kira-kira lapan jam dan mampu mencapai kelajuan 100 kilometer sejam selepas dicas penuh selama 4 jam di stesen khas di Dewan Sivik MBPJ.



MOHD. AZIZI (dua dari kanan) mencuba skuter elektrik yang dilancarkan di ibu Pejabat MBPJ, Petaling Jaya semalam.